



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

KONTRAKTOR PANEL SISA PEPEJAL PERINDUSTRIAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

SYARAT-SYARAT KEPADA KONTRAKTOR

1. Terbuka kepada semua Syarikat yang beroperasi di Negeri Selangor sahaja (keutamaan kepada premis yang berada di dalam kawasan pentadbiran MPK)
2. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mempunyai sijil Kewangan
3. Mempunyai lesen perniagaan dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi aktiviti yang berkaitan dengan sisa pepejal
4. Mempunyai pejabat/depoh/kilang untuk tujuan operasi atau menyimpan kenderaan atau peralatan bagi tujuan pengurusan sisa pepejal perdagangan dan perindustrian.
5. Mengemukakan bukti pemilikan kenderaan seperti lori, tong roro atau apa-apa peralatan/jentera yang berkaitan dengan perkhidmatan sisa pepejal perindustrian.
6. Mengemukakan *portfolio* profil syarikat dan salinan surat tawaran untuk pengalaman kerja-kerja sebanding.
7. Rekod atau bukti-bukti sediaada yang terkini bagi pelupusan di tempat yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri.
8. Mempunyai sistem *GPS tracker* bagi setiap kenderaan yang digunakan untuk pengangkutan sisa pepejal tersebut (jika ada).
9. Salinan lesen daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS)(jika ada)

SKOP DAN SPESIFIKASI KERJA KONTRAKTOR PANEL SISA PEPEJAL INDUSTRI

1. Kontraktor Panel yang dilantik adalah bagi menjalankan perkhidmatan mengutip/menyewakan tong roro dan melupuskan sisa pepejal perindustrian kepada pengusaha industri yang telah diarahkan oleh pihak Majlis untuk melantik panel Kontraktor.
2. Pihak Majlis telah menetapkan harga maksimum bagi sewaan tong roro yang berkapasiti 3 tan muatan dengan kadar harga RM 350.00/tong/trip bagi kategori sewaan tong roro untuk tujuan pelupusan terus sahaja dan tempoh peletakkan tong tidak melebihi 3 hari. Kadar ini adalah tidak terpakai bagi jenis tong berlainan kapasiti, tempoh peletakkan tong, pelupusan sisa kitar semula, pelupusan sisa buangan terjadual (*scheduled waste*) atau lain-lain sisa yang tidak memerlukan pelupusan terus ke tapak pelupusan. Kadar harga bagi perkhidmatan adalah persetujuan diantara kontraktor panel dengan pemilik /pengusaha premis.
3. Setiap panel akan dipecahkan mengikut kategori perkhidmatan mereka seperti minyak terpakai, tayar, fabrik, elektronik, kitar semula, sisa binaan, sampah domestik atau lain-lain pecahan yang dirasakan sesuai dengan jenis sisa yang dihasilkan oleh pihak industri
4. Pihak Majlis boleh menamatkan perkhidmatan sebagai kontraktor Panel Majlis jika berlaku pelanggaran syarat-syarat yang telah ditetapkan (dengan mengemukakan notis penamatan **30 hari** sebelum penamatan)

TEMPOH LANTIKAN

1. Panel kontraktor yang dilantik bermula 1 Januari 2022.
2. Tempoh perkhidmatan diberi selama 2 tahun dan satu tahun lanjutan jika didapati prestasi memuaskan dan boleh ditamatkan jika melanggar syarat-syarat yang ditetapkan.

SYARAT TAMBAHAN KEPADA PANEL KONTRAKTOR

1. Panel hendaklah mengemukakan laporan bulanan mengenai senarai premis yang diberi perkhidmatan, jumlah berat sisa pepejal yang dikutip mengikut jenis sampah dan salinan resit pelupusan dan hendaklah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Persekitaran sebelum **10 hb** setiap bulan mengikut kaedah yang akan ditentukan oleh pihak Majlis kelak.
2. Panel adalah dilarang membuang sisa di suatu kawasan yang tidak dibenarkan oleh pihak Majlis seperti di kawasan awam, bahu jalan, tanah persendirian, tanah kerajaan atau sungai.
3. Panel Kontraktor adalah diwajibkan menghadirkan diri bagi mengikuti kursus, taklimat, mesyuarat atau apa-apa program yang berkaitan jika dipanggil oleh pihak Majlis.
4. Panel Kontraktor hendaklah mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat yang diperlukan oleh pihak Majlis.
5. Panel Kontraktor hendaklah melupuskan sisa di tempat yang diwartakan oleh kerajaan negeri sebagai tapak pelupusan sahaja seperti tapak Tapak Sanitari Jeram, Tanjung 12, Bukit Tagar dan Tapak pelupusan *inert*.
6. Panel hendaklah melaporkan kepada pihak Majlis jika terdapat pengusaha yang melantik mereka tidak menggunakan khidmat mereka untuk tindakan susulan oleh pihak Majlis.
7. Setiap kenderaan yang digunakan bagi tujuan perkhidmatan ini hendaklah didaftarkan dengan pihak Majlis bagi tujuan kawalan dan hendaklah memaklumkan **03 hari** sebelum jika berlaku pertukaran kenderaan.

8. Setiap kenderaan yang digunakan digalakkan memasang pengesan kenderaan (*GPS tracker*) bagi tujuan pemantauan.
9. Membuat bayaran Fi perkhidmatan sebanyak **RM 500.00** secara tahunan. Bayaran hendaklah dijelaskan sebelum **31 Disember** setiap.



JABATAN PERKHIDMATAN PERSEKITARAN
MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BORANG PERMOHONAN KONTRAKTOR PANEL SISA INDUSTRI MAJLIS PERBANDARAN KLANG

(borang ini hendaklah diisi dengan lengkap oleh kontraktor dan perlu dilampirkan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang lain)

1. MAKLUMAT KONTRAKTOR

- I. NAMA PEMOHON/PENGURUS :
- II. NAMA SYARIKAT :
- III. NO. SSM :
- IV. ALAMAT SYARIKAT/DEPOH :
- V. NO. TELEFON/HP :

2. MAKLUMAT KENDERAAN KONTRAKTOR

BIL.	NO. PENDAFTARAN	JENIS KENDERAAN (CONT:ARMROLL)	MUATAN	
			BTM	BDM
I.				
II.				
III.				
IV.				

(Nota: Sila tambah di lampiran sekiranya tidak mencukupi)

3. MAKLUMAT JENIS SISA PEPEJAL

Domestik (Sisa Baki/Makanan)		Minyak Hitam	
Plastik		Kertas/Kotak	
Kaca		Sisa Buangan Terjadual	
Kayu/Habuk Kayu		Lain-Lain : (Sila Tambah)	
Minyak Masak			
Getah/Tayar			
Fabrik/Pakaian/Kain			
Besi/Aluminium			

(sisa tanda "/" mana yang berkenaan)

4. PERAKUAN PEMOHON

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar.

.....
Tandatangan dan Cop Syarikat Kontraktor

Tarikh :



زردوان سندي ڪوتان